



PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI

Penender–penender adalah dipelawa untuk mengemukakan tawaran bagi **1 kerja** berikut :

1. **043/HQ/2022 – T (204/LOG/2022 – T) REQUOTE**
KERJA – KERJA PEMBEKALAN KELENGKAPAN OPERASI DAN LATIHAN
(PASUKAN GERAK KHAS)
 1. Pemohon adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 2. Borang tawaran hendaklah disertakan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan 16 & 17 yang masih sah yang menyenaraikan butir-butir perniagaan seperti nama, bilangan pendaftaran dan negeri asal, nombor kad pengenalan atau passport pemilik.
 3. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Unit Pembelian dan Perbekalan, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Polis Gadong, Jalan Tungku** pada waktu bekerja iaitu **Hari Isnin hingga Hari Khamis dari Jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang dan Hari Sabtu dari jam 8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi.**
 4. **Tarikh akhir bagi pengambilan dokumen tawaran adalah pada 30 September 2023 (Hari Sabtu).**
 5. Tawaran–tawaran hendaklah dikembalikan dan dihantar ke alamat yang tersebut dibawah dalam **sampul surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan nama tawaran** tanpa menunjukkan identiti pemborong **tidak lewat jam: 2.00 petang, hari Rabu, 4 Oktober 2023.**
- Peti Sebutharga,
Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei Jalan Tungku,
(Bangunan Baru),
Pasukan Polis Diraja Brunei,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**
6. Mana-mana tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dilayan.**
 7. Borang sebutharga hendaklah **dikembalikan** ke Ibu Pejabat Polis, Jalan Tungku jika sekiranya Syarikat Tuan/ Puan **tidak dapat menawarkan harga (no quote)** pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas.